


TEKS KHUTBAH
SEMPENA GERHANA BULAN SEPARA
TAJUK :
“BULAN DAN KEMUKJIZATAN AL QURAN”
29 OKTOBER 2023/ 14 RABIUL AKHIR 1445H (AHAD)

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِل:

 أَقْتَرَبَتِ السَّاعَةُ وَأَنْشَقَّ الْقَمَرُ

Maksudnya: “Telah dekat datangnya saat itu dan telah terbelah bulan.”

(al-Qamar:1)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَ أَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

أَمَّا بَعْدُ:

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَ إِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

¹ Memuji Allah

² Selawat Nabi S.A.W

³ Pesanan takwa

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah S.W.T dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Dalam suasana saudara seagama kita di bumi Palestin dihina, dizalimi dan dibunuh dengan kejam oleh zionis laknatullah maka sewajibnya kita meningkatkan ketakwaan dan munajat kita kepada Allah S.W.T. Mudah-mudahan doa dan munajat kita di waktu yang mustajab doa ini di terima oleh Allah S.W.T. Di kesyahduan awal pagi ini, mimbar akan menyampaikan khutbah sempena dengan kejadian gerhana bulan yang berlaku pada pagi ini yang bertajuk:

“BULAN DAN KEMUKJIZATAN AL QURAN”

Sidang Jemaah Yang Dimuliakan,

Bulan adalah satu-satu satelit semulajadi bagi bumi. Keindahan cahaya bulan purnama amat menakjubkan. Begitulah indahnya makhluk ciptaan Tuhan. Nabi Ibrahim a.s juga terpesona dengan keindahan bulan. Firman Allah S.W.T dalam surah al-An`am ayat 77 :

فَلَمَّا رَأَى الْقَمَرَ بَازِغًا قَالَ هَذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَئِن لَّمْ يَهْدِنِي رَبِّي لَأَكُونَنَّ مِنَ الْقَوْمِ الضَّالِّينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya: “Kemudian tatkala dia melihat bulan terbit dia berkata: "Inilah Tuhanku". Tetapi setelah bulan itu terbenam, dia berkata: "Sesungguhnya jika Tuhanku tidak memberi petunjuk kepadaku, pastilah aku termasuk orang yang sesat".

Bulan purnama yang indah ini akan kehilangan cahayanya melalui fasa-fasa bulan dan putaran bumi, dan ada ketika cahayanya dilindungi bumi dek gerhana yang berlaku. Hal ini menginsafkan kita bahawa Yang Maha Berkuasa ialah Allah S.W.T yang menjadikan bulan purnama tersebut. Allah S.W.T juga menjelaskan bahawa

bulan dan makhluk yang lain sentiasa sujud kepada Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Hajj ayat 18:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَسْجُدُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ وَالنُّجُومُ
وَالْجِبَالُ وَالشَّجَرُ وَالْدَّوَابُّ وَكَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ وَكَثِيرٌ حَقَّ عَلَيْهِ الْعَذَابُ وَمَنْ يُهِنِ
اللَّهُ فَمَالَهُ، مِنْ مُّكْرِمٍ إِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يَشَاءُ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Apakah kamu tiada mengetahui, bahwa kepada Allah bersujud apa yang ada di langit, di bumi, matahari, bulan, bintang, gunung, pohon-pohonan, binatang-binatang yang melata dan sebagian besar daripada manusia? Dan banyak di antara manusia yang telah ditetapkan azab atasnya. Dan barangsiapa yang dihinakan Allah maka tidak seorangpun yang memuliakannya. Sesungguhnya Allah berbuat apa yang Dia kehendaki.”

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah S.W.T sekalian,

Gerhana bulan bererti bumi yang berpusing akan berada pada satu garis lurus dan menghalang cahaya matahari sampai ke bulan. Pada hari ini, bermula jam dua satu minit (02:01) pagi tadi bermulalah fasa penumbra gerhana bulan. Bayang bumi mula menutupi bulan. Gerhana bulan fasa umbra pula bermula pada jam tiga tiga puluh lima minit (03.35) pagi sehingga jam empat lima puluh dua minit (04:52) pagi. Ketika berlakunya gerhana, Rasulullah S.A.W berpesan agar kita memperbanyakkan istighfar, bersedekah dan tidak terpengaruh dengan perkara perkara khurafat dan tahyul. Kita juga dianjurkan untuk menunaikan solat sunat gerhana. Alhamdulillah sebentar tadi kita telah menyempurnakan solat sunat gerhana bulan.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah S.W.T,

Ilmu kemukjizatan al-Quran sangat efisien dalam menyampaikan dakwah Islam. Ilmu kemukjizatan al-Quran merujuk kepada ilmu yang membincangkan tentang kelebihan dan ketinggian al-Quran dari pelbagai aspek yang dapat melemahkan segala cabaran

yang mencabar kebenaran al-Quran. Terdapat beberapa bidang kajian kemukjizatan al-Quran iaitu:

Pertama: Kemukjizatan bahasa

Kedua : Kemukjizatan kejiwaan

Ketiga : Kemukjizatan Sainifik

Keempat : Kemukjizatan Perkhabaran lampau dan akan datang

Kelima : Kemukjizatan syariat

Keenam : Kemukjizatan bilangan

Dalam al Quran, perkataan bulan disebut sebanyak dua puluh tujuh kali dengan pelbagai peristiwa dan fakta. Al Quran menjelaskan tentang pergerakan bulan, cahaya bulan, fasa bulan, gerhana bulan, larangan Allah S.W.T daripada menyembah bulan, bulan sebagai tanda kebesaran Allah S.W.T, bulan dalam mimpi Nabi Yusuf a.s dan lain lain. Bahkan dalam al Quran terdapat satu surah yang dinamakan dengan surah bulan iaitu surah al Qamar. Dalam ayat al Quran yang khatib perengarkan di awal khutbah tadi menjelaskan bahawa bulan pernah terbelah dua. Dalam erti kata lain, bulan purnama yang sedang kita saksikan pada malam ini, suatu ketika dahulu ia pernah terbelah dua. Peristiwa bulan terbelah dua berlaku di zaman Nabi S.A.W. apabila orang-orang musyrikin Quraisy mencabar Nabi S.A.W agar menunjukkan bukti kerasulan dengan terbelahnya bulan. Beberapa hadis berikut menjelaskannya. Abdullah bin Mas`ud berkata :

انْشَقَّ الْقَمَرُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فِرْقَتَيْنِ فِرْقَةً

فَوْقَ الْجَبَلِ وَفِرْقَةً دُونَهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْهَدُوا

Maksudnya : Bulan terbelah menjadi dua bagian pada zaman Rasulullah SAW. Satu belahan terdapat di atas gunung dan belahan lainnya berada di bawah gunung. Lalu Rasulullah SAW bersabda: Saksikanlah (Riwayat Imam al-Bukhari)

سَأَلَ أَهْلُ مَكَّةَ النَّبِيَّ -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- آيَةً فَاَنْشَقَّ الْقَمَرُ بِمَكَّةَ مَرَّتَيْنِ

فَنَزَلَتْ (اَفْتَرَبَتِ السَّاعَةُ وَاَنْشَقَّ الْقَمَرُ) اِلَى قَوْلِهِ (سِحْرٌ مُّسْتَمِرٌّ)

Maksudnya : Penduduk Makkah meminta kepada Nabi SAW suatu bukti. Akhirnya bulan terbelah di Makkah menjadi dua bagian, lalu turunlah ayat : 'Telah dekat datangnya hari kiamat dan telah terbelah bulan. Dan jika mereka (orang-orang musyrikin) melihat suatu tanda (mukjizat), mereka berpaling dan berkata: "(Ini adalah) sihir yang terus-menerus (Riwayat Tirmidzi)

Dalam zaman sains dan teknologi pada hari ini, kenyataan al Quran tentang bulan terbelah dua telah terbukti benar apabila angkasawan yang telah menjejakkan kaki ke bulan mengenalpasti beberapa penemuan antaranya ialah garisan panjang yang merentasi bulan. Sebahagian angkasawan telah membuat kesimpulan bahawa garisan ini ialah kesan daripada terbelahnya bulan pada suatu ketika dahulu.

Mimbar ingin menarik perhatian sidang jemaah sekalian kepada kisah keislaman Allahyarham David Musa Pidcok. Beliau telah menerima hidayah Allah S.W.T selepas mengetahui fenomena ini. Beliau telah dihadihkan oleh kawan muslimnya sebuah al-Quran terjemahan. Lembaran pertama yang dibacanya ialah surah al-Qamar. Ketika itu beliau sedang menonton wawancara seorang angkasawan yang baru pulang dari bulan. Angkasawan tersebut menjelaskan pengalamannya melihat garisan panjang di bulan dan membuat kesimpulan bahawa bulan pernah terbelah dua walaupun angkasawan tersebut tidak mengetahui bahawa apa yang diperkatakannya itu telah berlaku di zaman Nabi SAW dan telah diperjelaskan oleh al-Quran al-Karim. David Musa Pidcork segera menyambung bacaan surah al-Qamar. Sinaran hidayah Islam telah menerangi hidupnya dengan peristiwa tersebut. Dua bidang kemukjizatan al Quran dipaparkan dalam kisah ini iaitu kemukjizatan syariat dan kemukjizatan saintifik.

Mengakhiri khutbah mimbar ingin menarik perhatian muslimin dan muslimat sekalian kepada kesimpulan berikut:

1. Ilmu kemukjizatan al-Quran sangat penting dalam dunia dakwah masa kini.
2. Al-Quran mengisyaratkan pelbagai fakta yang berkaitan dengan bulan yang kesemuanya terbukti benar seperti peristiwa bulan terbelah dua.
3. Perbanyakkan istighfar dan bersedekah ketika berlakunya gerhana bulan pada malam pagi ini.
4. Sesungguhnya segala fenomena alam yang berlaku seperti gerhana bulan merupakan tanda kebesaran Allah S.W.T.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ , وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ, فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ
الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Kekalkanlah persuadaraan sesama muslimin. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا^{٥٦}
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ⁷ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ انصُرِ الْإِسْلَامَ وَ الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَ دَمْرَ أَعْدَاءِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ

Ya Rahman Ya Ghaffar, ampunkanlah dosa dosa kami, dosa kedua ibu bapa kami, dosa guru guru kami, dosa insan yang berjasa kepada kami, dosa muslimin dan muslimat keseluruhannya.

Ya Qahhar Ya Jabbar, turunkanlah bantuan dan kemenangan buat para pejuang mujahidin di Palestin, musnahkanlah segala kezaliman dan keangkuhan Yahudi Zionis.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bukakanlah pintu hati kami untuk beristiqamah dan terus menghayati dan merenung segala fenomena alam yang berlaku sepertimana fenomena gerhana bulan pada malam ini. Jadikanlah kami dari kalangan hambamu yang mendapat petunjuk, taufik dan hidayah dariMu. Hitungkanlah kami dari kalangan hambaMu yang akan mengecapi nikmat rahmat dan syurgaMu

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

⁷ Doa untuk kaum muslimin